


SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013

NAMA KURSUS	:	KENEGARAAN DAN PEMBANGUNAN MUTAKHIR MALAYSIA
KOD KURSUS	:	UWS10103/UMS1113
PROGRAM	:	1 BDD/BEB/BEC/BED/BEH/BFF/BIT/ BNB/BND/BNH/BNK/BNL/ BWA/BWC/BWD/BWQ 2 BDD/BEF/BEH/BFF/BIT/BPA/ BPB/BPC/BPD 3 BDC/BDD/BEE/BEH/BIT/BPB/BPC 4 BDD
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER2012/JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALANINI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITIGA PULUH (30) MUKA SURAT

SULIT

S1 Elemen mercu tanda kedaulatan terdiri daripada

- A kuasa, hak, merdeka, maruah
- B kuasa, merdeka, maruah, autoriti
- C kuasa, autoriti, autonomi, mutlak
- D kuasa, maruah, autoriti, autonomi

S2 Kedaulatan negara perlu dipelihara oleh semua rakyat.

Maksud dipelihara ialah

- A menjaga
- B mematuhi
- C menggubal
- C mempertahan

Soalan 3 merujuk kepada Pernyataan 1

Seorang wanita luar negara yang telah berkahwin dengan seorang rakyat Malaysia dan telah menetap di Malaysia selama 5 tahun. Wanita tersebut telah memohon kewarganegaraan Malaysia.

Pernyataan 1

S3 Kewarganegaraan yang diperolehi adalah melalui

- A suaka
- B naturalisasi
- C pendaftaran
- D penguatkuasaan undang-undang

S4 Secara dasarnya keperluan rakyat bernegara adalah untuk

- A memberikan identiti dan imej diri
- B menghadapi cabaran dan melindungi rakyat
- C memastikan kelangsungan dan kemajuan negara
- D mengekalkan kejayaan yang lalu dan akan datang

Soalan 5 merujuk kepada Pernyataan 2

Kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi dalam kalangan masyarakat untuk menikmati pembangunan.

Pernyataan 2

S5 Pernyataan ini bermaksud kerajaan perlu

- A menjaga kebijakan rakyat
- B menggalakkan pembangunan mapan
- C memberi ruang pertambahan subsidi
- D menggalakkan pembangunan luar bandar

S6 Sikap dan kesedaran rakyat terhadap kepentingan pembentukan negara bangsa dapat diserap melalui

- A pendidikan
- B toleransi kaum
- C kestabilan politik
- D kemakmuran ekonomi

S7 Perpaduan sukar dibentuk jika keutuhan negara dan pembinaan kekuatan dalaman diabaikan, namun ia boleh dicapai melalui semangat

- A nasionalisme dan pluralisme
- B nasionalisme dan patriotisme
- C kepelbagaiannya budaya dan demokrasi
- D liberalisme dan integrasi antara kaum

S8 Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka telah diasaskan oleh Parameswara. Tokoh ini berasal dari kerajaan

- A Perlak
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Palembang

- S9** Sebelum Melaka dibangunkan telah wujud perkampungan nelayan di kawasan berkenaan yang dikenali sebagai
- A Pulau Tiga
 - B Pulau Lima
 - C Pulau Cendana
 - D Pulau Penyengat
- S10** Pentadbiran Melaka telah mendapat pengiktirafan daripada negara China seperti yang tercatat dalam lawatan perutusan oleh
- A Ghee Hin
 - B Cheng Ho
 - C Yin Ching
 - D Ying Yang
- S11** Dari segi struktur pentadbiran kerajaan Melayu Tradisi raja merupakan individu yang berada pada kedudukan yang tertinggi sehingga raja itu dianggap “bayangan tuhan”. Tanggapan ini berasaskan kepada pengaruh
- A anamisme
 - B hinduisme
 - C paganisme
 - D buddhisme
- S12** Pemerintahan raja di zaman Kesultanan Melayu Melaka dibantu oleh sistem
- A Pembesar Lapan Lipatan
 - B Pembesar Empat Lipatan
 - C Pembesar Enam Belas Lipatan
 - D Pembesar Tiga Puluh Dua Lipatan

S13 Golongan yang diperintah terdiri daripada rakyat biasa dan hamba. Hamba ini terdiri daripada

- I hamba abdi
 - II hamba istana
 - III hamba durjana
 - IV hamba berhutang
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S14 Tindakan penjajah mengenakan kuasa pemerintahannya ke atas negara yang dijajah merujuk kepada konsep

- A kapitalisme
- B imperialisme
- C kolonialisme
- D mekantilisme

S15 Episod awal campurtangan British di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa berikut.

- A Perjanjian Inggeris Belanda
- B Francis Light menduduki Pulau Pinang
- C Perjanjian Burney British dengan Siam
- D Stamford Raffles menduduki Singapura

S16 Apakah kesan **utama** penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu?

- A Kuasa sultan dikembalikan
- B Kegiatan ekonomi semakin berkembang pesat
- C Ipoh menjadi ibu pejabat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
- D Ketua Negeri-Negeri Melayu Bersekutu digelar sebagai Residen

S17 Pernyataan berikut adalah benar mengenai kesan dasar ‘pecah dan perintah’ oleh British **kecuali**

- A pengkhususan kerja
- B kerencaman masyarakat
- C pengasingan petempatan
- D permasalahan intra etnik

S18 Apakah kesan **utama** penjajahan Jepun di Tanah Melayu?

- A Permasalahan kesihatan yang sangat ketara
- B Penindasan Jepun terhadap etnik Melayu dan Cina
- C Kemerosotan ekonomi rentetan percetakan wang tanpa kawalan
- D Menyemarakkan semangat nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan

S19 Apakah kesan daripada pelaksanaan Sistem Residen di Tanah Melayu?

- A Penyelarasan di antara negeri-negeri penjajahan dikuatkuasakan
- B Kuasa penuh diberikan kepada Residen bagi mewujudkan keamanan
- C Sistem perundungan digunakan bagi mengelakkan kuasa budi bicara
- D Keseragaman garis panduan pentadbiran dalam kalangan negeri-negeri

S20 Apakah implikasi dasar pecah dan perintah yang diperkenalkan oleh British?

- I Pemetakan petempatan
 - II Permasalahan intra etnik
 - III Pengkhususan tenaga kerja
 - IV Perkembangan masyarakat majmuk
-
- A I dan II
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S21 Pembesar Perak kehilangan hak mengutip cukai dan kawasan penguasaan semasa penjajahan British. Bagaimanakah mereka berusaha mengembalikan semula hak mereka?

- A Berusaha mendapatkan bantuan luar
- B Bersatu menolak campurtangan Barat
- C Bekerjasama mengukuhkan kedudukan
- D Berunding secara aman dengan penjajah

S22 Apakah perjanjian yang memisahkan nusantara kepada dua kawasan pada tahun 1824?

- A Perjanjian Burney
- B Perjanjian Pangkor
- C Perjanjian Bangkok
- D Perjanjian Inggeris-Belanda

- S23** Pernyataan berikut adalah benar mengenai kegiatan ekonomi semasa penjajahan Jepun di Tanah Melayu **kecuali**
- A kekayaan di Tanah Melayu dieksplotasi oleh Jepun
 - B kegiatan ekonomi bertumpu di bahagian timur Tanah Melayu
 - C semua kegiatan ekonomi dijalankan untuk keperluan pihak tentera
 - D perusahaan bijih timah dan getah terbantut akibat dasar pemencilan Jepun
- S24** Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang kesan Perjanjian Pangkor ke atas Tanah Melayu.
- A Sultan kehilangan kuasa pentadbiran
 - B Pembesar Melayu kehilangan daerah jajahan
 - C Tanah Melayu terpaksa menerima Sistem Residen
 - D Tanah Melayu disatukan di bawah Sistem Residen
- S25** Mengapakah imperialis Barat membuat perubahan dalam sistem politik di negara jajahan mereka?
- A Menguasai ekonomi
 - B Memodenkan pentadbiran
 - C Menjimatkan kos pengurusan
 - D Melicinkan urusan pemerintahan
- S26** Konsep istilah nasionalisme boleh diertikan dengan
- A pentingkan diri sendiri
 - B berjuang untuk keluarga sendiri
 - C mempertahankan hak kaum sendiri
 - D perasaan taat setia terhadap negara sendiri
- S27** Berikut merupakan kepentingan semangat patriotisme dan nasionalisme **kecuali**
- A memartabatkan negara
 - B menjaga maruah negara
 - C memelihara kedaulatan negara bangsa
 - D menggerakkan pejuangan kemerdekaan

S28 Sebagai tanda menghormati dan taat setia kepada negara setiap rakyat perlu

- A memperjuangkan hak diri sendiri
- B mengumpul harta kekayaan untuk keturunan
- C mengekalkan jurang yang wujud antara kaum
- D menghayati erti dan mempertahankan kemerdekaan

S29 Individu yang mempunyai perasaan cintakan tanah air dan sanggup meletakkan kepentingan negara pada tahap tertinggi dikenali sebagai

- A patriotisme
- B romantisme
- C sekularisme
- D individualisme

S30 Gerakan nasionalisme yang berlaku di Tanah Melayu pada awal abad ke- 20 disebabkan oleh gerakan

- A anti Portugis
- B nasionalisme negara
- C serang hendap komunis
- D budaya dan anti British

Soalan 31 hingga 33 berdasarkan Jadual 1

Jadual 1

Tahun	Peringkat	Pernyataan
1900 – 1920	Golongan berpendidikan agama	<ul style="list-style-type: none"> - Kaum muda memainkan peranan penting - Kebanyakannya berpandangan jauh, kerap mengkritik penjajah Inggeris
1920 – 1930	Golongan X	<ul style="list-style-type: none"> - Wujudnya Maktab Perguruan Sultan Idris - Lepasan MPSI bertugas dalam masyarakat dan banyak menyumbangkan idea
1930 – 1941	Golongan berpendidikan Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> - Penubuhan Y di Pulau Pinang - Malay College Kuala Kangsar ditubuhkan khusus untuk anak-anak raja, pembesar dan rakyat terpilih sahaja

S31 Jadual 1 menunjukkan satu proses di Tanah Melayu. Proses ini merujuk kepada

- A tiga tahap nasionalisme
- B dasar Pendidikan Kebangsaan
- C tahap pembangunan pendidikan
- D proses pengajaran dan pembelajaran

S32 Golongan X merujuk kepada golongan

- A ilmuan
- B cendekiawan
- C intelektual melayu
- D berpendidikan melayu

S33 Penubuhan Y merujuk kepada penubuhan sebuah institusi pendidikan iaitu

- A Convent School
- B Penang Free School
- C Malay College Kuala Kangsar
- D English College of Sultan Abu Bakar

S34 Kesan nasionalisme etnik Cina di Tanah Melayu memperlihatkan

- I Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar
 - II tenaga pengajar didatangkan dari negara China
 - III lepasan sekolah ini perlu berkhidmat di negara China
 - IV konsep pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kehendak Tanah Melayu dan negara China
-
- A I dan II
 - B Idan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Soalan 35 merujuk Pernyataan 3

Beliau menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) untuk menuntut kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu dan menentang sebarang bentuk penjajahan Inggeris. Beliau telah membawa PKMM ke arah mewujudkan Melayu Raya "kesatuan politik" Malaya-Indonesia yang merupakan salah satu perjuangan utamanya dan beliau turut digambarkan sebagai seorang nasionalis radikal dan pemikir Islam.

Pernyataan 3

S35 Tokoh dalam pernyataan 3 merujuk kepada

- A Ibu Zain
- B Ibu Azizah
- C Ahmad Bustamam
- D Burhanuddin Helmi

Soalan 36 merujuk Pernyataan 4

Haji Hassan bin Panglima Mat Munas merupakan seorang penentang penjajahan British dan juga tokoh agama Islam yang berjaya menarik sokongan banyak pengikut di Kelantan. Bagaimanapun beliau terbunuh dalam satu pertempuran berpunca dari satu konflik yang timbul.

Pernyataan 4

S36 Konflik di atas merujuk kepada

- A keengganan membayar cukai
- B mendirikan balai polis di Lubuk Trua
- C membangkang kemasukan tentera-tentera British
- D di label inggeris sebagai pemberontak dan penderhaka Raja

S37 Berikut menggambarkan nasionalisme **kecuali**

- A bahasa jiwa bangsa
- B bersatu teguh bercerai roboh
- C sekali air bah sekali pantai berubah
- D di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung

S38 Antara sebab semangat nasionalisme dan patriotisme dalam masyarakat hari ini semakin berkurangan ialah

- I masyarakat semakin materialistik
 - II toleransi antara kaum semakin berkurangan
 - III ibu bapa tidak memainkan peranan yang sepatusnya
 - IV kurang penghayatan terhadap agama, sejarah negara dan bangsa
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S39 Reaksi terhadap penubuhan Malaysia adalah seperti berikut **kecuali**

- A kerajaan Filipina telah mengemukakan tuntutan ke atas Sabah
- B Sultan Brunei menimbangkan Brunei adalah sebuah negara yang memerlukan perlindungan
- C Parti Komunis Indonesia memainkan peranan mempengaruhi pandangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia
- D tuntutan mahkamah daripada Singapura mengecualikan negeri tersebut daripada berada di bawah pemerintahan Malaysia

S40 Persetujuan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan pada Ogos 1962 adalah

- A mengadakan pungutan suara untuk rakyat Singapura
- B melantik Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia untuk mendapatkan persetujuan pemimpin Sabah, Sarawak dan Singapura
- C menubuhkan lima jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Antara Kerajaan untuk mengkaji perlembagaan, kewangan dan perundangan
- D menubuhkan Suruhanjaya Cobbold bagi meninjau dan mengkaji pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang pembentukan Malaysia

S41 Pilih fakta yang **tidak benar** tentang penubuhan Malaysia.

- A Pendapat penubuhan Malaysia telah disuarakan oleh Tan Sri Ghazali Shafie
- B Kerajaan Australia telah memberikan sokongan terhadap cadangan penubuhan Malaysia
- C Keseimbangan kaum akan tercapai melalui pencantuman Tanah Melayu dan Singapura
- D Taraf hidup bumiputera Sabah dan Sarawak akan ditingkatkan melalui penubuhan Malaysia

S42 Apakah persetujuan yang telah dicapai oleh suruhanjaya Cobbold tentang penubuhan Persekutuan Malaysia?

- I Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan di kedua-dua negeri
 - II Pengurusan hal ehwal agama diserahkan kuasa kepada kerajaan pusat
 - III Kerajaan Sabah dan Sarawak diberikan kuasa menentukan kemasukan orang luar dari Sabah dan Sarawak
 - IV Perlembagaan yang menjadi asas penubuhan Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

Soalan 43 berdasarkan kepada Pernyataan 5

Persekitaran politik negara serantau yang terdedah kepada ancaman komunis tidak menyediakan Tanah Melayu berada dalam suasana yang sihat.

Pernyataan 5

S43 Pernyataan di atas adalah berkait rapat dengan

- A penubuhan MAPHILINDO pada 30 Julai 1963
- B penyertaan Tanah Melayu dalam COMMONWEALTH
- C pengisytiharan keluar Singapura daripada Persekutuan Malaysia
- D penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 yang menyatukan Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Tanah Melayu

S44 Berikut merupakan faktor pendorong kepada penubuhan Malaysia **kecuali**

- A kemerdekaan segera
- B keseimbangan kaum
- C tantangan terhadap MPAJA
- D peningkatan taraf hidup bumiputera Sabah dan Sarawak

S45 Pilih fakta yang **tidak benar** tentang penyertaan Singapura dalam Malaysia

- A Parti Barisan Sosialis menentang hebat penyertaan Singapura ke dalam Malaysia
- B Jumlah perwakilan bersetuju di Dewan Rakyat Singapura adalah seramai 15 orang
- C Sejumlah 71 peratus rakyat Singapura bersetuju dengan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia
- D Pihak kerajaan Singapura telah mengeluarkan satu Kertas Hitam menggariskan pencantuman tersebut

S46 Berikut merupakan maksud kemerdekaan **kecuali**

- A tidak bergantung pada orang lain
- B tidak dijajah dari segi fizikal dan mental
- C bebas daripada penghormatan dan keyakinan
- D bebas untuk bertindak untuk kepentingan bangsa

S47 Pilih susunan yang **benar** tentang proses menuju kemerdekaan Tanah Melayu.

- A Malayan Union => Sistem Ahli => Suruhanjaya Reid
- B Sistem Ahli => Pilihanraya Persekutuan => Suruhanjaya Reid
- C Suruhanjaya Reid => Sistem Ahli => Pilihanraya Persekutuan
- D Malaysia Union => Persekutuan Tanah Melayu => Sistem Ahli

S48 Mengapakah Malayan Union ditentang oleh orang Melayu ?

- A Hak kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang
- B Sultan diberi penghormatan tentang adat istiadat dan agama sahaja
- C Wujud penentangan daripada orang Cina dan India yang berada di Tanah Melayu
- D Malayan Union menyatukan Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

S49 Apakah tujuan Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951?

- A Memberi latihan kepada pemimpin tempatan untuk mentadbir negara
- B Memberi kuasa sepenuhnya kepada pemimpin tempatan untuk mentadbir Tanah Melayu
- C Menubuhkan beberapa jabatan yang diserahkan kepada pemimpin tempatan untuk menentukan hala tuju pentadbiran
- D Memberi pengalaman kepada pemimpin tempatan untuk mengurus tadbir ke arah penerusan pentadbiran British di Tanah Melayu

S50 Berikut merupakan pernyataan yang benar tentang pilihanraya Majlis Tempatan pada tahun 1951 **kecuali**

- A pilihanraya dimulakan di Pulau Pinang pada tahun 1951
- B Parti Radikal telah memenangi 6 daripada 9 kerusi di pilihanraya Ipoh
- C Parti Perikatan telah memenangi 9 daripada 12 kerusi di pilihanraya Kuala Lumpur
- D pilihanraya diadakan untuk memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen kepada rakyat Tanah Melayu

S51 Suruhanjaya Reid ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka.

Siapakah yang terlibat dalam suruhanjaya tersebut?

- I B. Malik
 - II Sir Ivor Jennings
 - III Sir William Mackell
 - IV Hakim Abdul Hamid
-
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

S52 Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** mengenai konsep ketertinggian perlembagaan?

- A Perlembagaan tidak boleh diubah
- B Parlimen memperoleh kuasa daripada perlembagaan
- C Yang di-Pertuan Agong memerintah berdasarkan perlembagaan
- D Kuasa perundangan juga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan

S53 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab bersama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Peruntukan tersebut ialah

- A biasiswa
- B kewarganegaraan
- C keselamatan dalam negara
- D undang-undang sivil dan jenayah

Soalan 54 berdasarkan Pernyataan 6 di bawah

- Persamaan kebebasan asasi
- Pemerintahan secara perwakilan
- Pengiktirafan kebebasan minoriti

Pernyataan 6

S54 Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan

- A kebebasan asasi
- B sistem persekutuan
- C demokrasi berparlimen
- D kerajaan berperwakilan

S55 Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong menurut perlembagaan setelah menerima rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara?

- I menurunkan Cop Mohor raja-raja
 - II memerintahkan agar dikeluarkan surat arahan
 - III memberi perkenan kepada Rang Undang-undang tersebut dalam tempoh 30 hari
 - IV memulangkan semula kepada Parlimen dengan menyatakan sebab tidak diperkenankan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

S56 Jentera pentadbiran kerajaan Persekutuan Malaysia terdiri daripada

- I Jabatan
 - II Kabinet
 - III Kementerian
 - IV Yang di-Pertuan Agong
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

Soalan 57 berdasarkan Pernyataan 7 di bawah

Membincangkan kes-kes jenayah bagi mereka yang berumur 10-18 tahun. Kanak-kanak yang bersalah akan dihantar ke sekolah pemulihan akhlak sehingga mencapai umur 21 tahun.

Pernyataan 7

S57 Pernyataan ini merujuk kepada

- A Mahkamah Khas
- B Mahkamah Juvana
- C Mahkamah Sesyen
- D Mahkamah Majistret

S58 Pembentukan Majlis Raja-Raja pada hari ini berasal daripada pembentukan semasa pemerintahan British.

- A Durbar
- B Majlis Undangan Negeri
- C Persekutuan Tanah Melayu
- D Majlis Mesyuarat Persekutuan

S59 Antara berikut yang manakah **bukan** tugas Yang di-Pertuan Agong mengikut budi bicaranya sendiri?

- A Melantik Perdana Menteri
- B Membubarkan persidangan Parlimen
- C Melantik ahli-ahli tidak rasmi Dewan Negara
- D Memanggil Majlis Raja-raja untuk bermesyuarat

Soalan 60 berdasarkan Pernyataan 8 di bawah

- Ahli-ahli dan pegawai Suruhanjaya Pilihanraya
- Pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya
- Kerani mengira undi
- Calon, wakil dan ejen mengira undi

Pernyataan 8

S60 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A penolong calon pilihan raya
- B petugas-petugas pilihan raya
- C ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya
- D mereka yang dibenarkan memasuki tempat mengira undi

S61 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep raja berpelembagaan?

- A Yang di-Pertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut perlembagaan Malaysia
- B Raja atau sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub di dalam perlembagaan Malaysia
- C Kuasa dan institusi Yang di-Pertuan Agong, raja atau sultan diwujudkan, dipertahankan dan didasarkan kepada perlembagaan Malaysia
- D Raja berpelembagaan adalah warisan sejarah empayar Kesultanan Melayu Melaka yang dipermodenkan menerusi perlembagaan Malaysia

S62 Mengapakah pilihanraya dianggap sebagai asas kepada sistem demokrasi?

- I Diadakan lima tahun sekali
 - II Rakyat diberi peluang untuk memilih pemimpin
 - III Semua orang diberi peluang untuk menjadi calon
 - IV Pemimpin dilantik oleh rakyat melalui pilihanraya
- A I, II dan II
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

- S63** Perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia seperti hak istimewa orang Melayu, bahasa Melayu, agama Islam dan kewarganegaraan ialah hasil daripada
- A sistem ahli
 - B kerjasama semua kaum
 - C tolak ansur antara kaum
 - D pembentukan Rukun Negara
- S64** Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai kabinet.
- A Setiausaha kabinet ialah ketua setiausaha
 - B Kabinet berkuasa membuat undang-undang
 - C Merupakan badan tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif
 - D Mengandungi seorang Perdana Menteri dan menteri-menteri yang lain
- S65** Manakah pindaan Perlembagaan Malaysia yang memerlukan 2/3 ahli Parlimen dan keizinan Majlis Raja-Raja?
- A Keistimewaan Parlimen
 - B Pindaan pelantikan Ahli Dewan Negara
 - C Kemasukan wilayah baru dalam Persekutuan
 - D Peruntukan tambahan berhubung kewarganegaraan
- S66** Rancangan pembangunan pertama yang dilaksanakan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 ialah
- A Rancangan Malaya Kedua
 - B Rancangan Malaysia Pertama
 - C Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
 - D Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama
- S67** LKTP yang kemudiannya dikenali sebagai FELDA ialah nama singkatan bagi sebuah agensi kerajaan yang ditugaskan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan, khususnya yang melibatkan penerokaan tanah rancangan. Nama penuh agensi ini ialah
- A Lembaga Kemajuan Tanah Pemulihan
 - B Lembaga Kemajuan Tanah Penerokaan
 - C Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
 - D Lembaga Kemajuan Tanah Pembangunan

S68 Pilih pernyataan yang **benar** tentang Dasar Pembangunan Nasional.

- I Dasar Pembangunan Nasional meneruskan dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru
 - II Matlamat terakhir Dasar Pembangunan Nasional adalah mencapai perpaduan negara
 - III Dasar Pembangunan Nasional menekankan perkembangan sektor pertanian berbanding sektor perindustrian
 - IV Dasar Pembangunan Nasional menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penyusunan semula masyarakat
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

S69 Pelan Induk Perindustrian dibentuk sebagai usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh sektor perindustrian seperti berikut

- I asas perindustrian yang sempit
 - II hasil pengeluaran pekerja kilang yang tidak produktif
 - III perkembangan yang tidak seimbang dalam sektor-sektor perindustrian
 - IV pergantungan yang terlalu tinggi terhadap pelaburan asing dalam membangunkan industri berteknologi tinggi
-
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S70 Apakah kesan utama yang dapat dilihat dalam negara selepas merdeka akibat daripada dasar “pecah dan perintah” yang diamalkan oleh penjajah British?

- A Pembahagian masyarakat Malaysia mengikut budaya dan cita rasa pengguna
- B Pembahagian masyarakat Malaysia mengikut pekerjaan dan pola pendapatan
- C Pembahagian masyarakat Malaysia mengikut kawasan petempatan dan budaya
- D Pembahagian masyarakat Malaysia mengikut kawasan petempatan dan pekerjaan

Soalan 71 berdasarkan Pernyataan 9 di bawah

- Meningkatkan kemudahan komputer di semua sekolah
- Mempelbagaikan aplikasi elektronik dalam urusan ekonomi

Pernyataan 9


S71 Manakah bersesuaian dengan pelaksanaan strategi di atas?

- A Koridor Raya Multimedia
- B Dasar Pembangunan Nasional
- C Dasar Telekomunikasi Negara
- D Dasar Sains dan Teknologi Negara

S72 Antara berikut yang manakah dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan negara?

- I Rukun Negara
 - II Dasar Sosial Negara
 - III Dasar Pentadbiran Negara
 - IV Sistem Pendidikan Awal Negara
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 73 berdasarkan Rajah 1 di bawah



Rajah 1

S73 Dasar X ialah

- A Dasar Hala Cara Baru
- B Dasar Pandang ke Timur
- C Dasar Pensyarikatan Malaysia
- D Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

S74 Manakah antara sektor berikut dikenalpasti dalam Pelan Induk Perindustrian Pertama?

- I Barang getah
- II Tekstil dan pakaian
- III Bahan kimia dan petrokimia
- IV Barang logam, besi dan keluli

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Soalan 75 berdasarkan Pernyataan 10 di bawah

Menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi.

Pernyataan 10

S75 Objektif di atas merujuk kepada

- A Dasar Sosial Negara
- B Dasar Keluarga Negara
- C Dasar Pendidikan Kebangsaan
- D Dasar Kebudayaan Kebangsaan

S76 Wawasan 2020 diwujudkan untuk memenuhi keperluan berikut **kecuali**

- A satu fokus nasional
- B perjanjian sosio-politik
- C agenda pembangunan nasional
- D strategi menghadapi ancaman luar

S77 Pembasmian kemiskinan dalam Dasar Pembangunan Nasional adalah berfokus kepada kemiskinan

- A relatif
- B mutlak
- C mutlak dan relatif
- D bandar dan pedalaman

S78 Wawasan 2020 telah diumumkan dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia dalam kertas kerja bertajuk

- A *A Future of Malaysia*
- B *Malaysia: One Step Ahead*
- C *Malaysia, The Way Forward*
- D *The Way Forward of Malaysia*

Soalan 79 berdasarkan Pernyataan 11 di bawah

- Teras penting ialah disiplin diri dan harga diri
- Mewujudkan sebuah masyarakat penyayang

Pernyataan 11

S79 Nyatakan prinsip Rukun Negara yang berkaitan dengan pernyataan di atas

- A Kesopanan dan Kesusilaan
- B Kepercayaan kepada Tuhan
- C Kedaulatan Undang-undang
- D Kesetiaan kepada Raja dan Negara

S80 Apakah tujuan pembentukan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional?

- A Membentuk masyarakat cekik IT yang berupaya menghadapi era globalisasi
- B Melahirkan masyarakat yang berdikari dan mampu bersaing di persada antarabangsa
- C Memupuk dan menerapkan nilai-nilai moral ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang maju
- D Menjamin perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

Soalan 81 berdasarkan Pernyataan 12 di bawah

Konsep P	<ul style="list-style-type: none">• Perlu ditanam di dalam jiwa setiap rakyat demi keutuhan negara• Perlu dihormati melalui perlambangan seperti Jalur Gemilang, lagu kebangsaan dan Rukun Negara
----------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Pernyataan 12

S81 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep P?

- A Kekitaan
- B Kenegaraan
- C Kebangsaan
- D Kewarganegara

S82 Prinsip-prinsip Rukun Negara merupakan satu ideologi yang telah digubal oleh

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Muhibah Negara
- C Jabatan Perpaduan Negara
- D Majlis Perundingan Negara

S83 Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan menerusi strategi serampang dua mata iaitu

- A menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi dan menyusun semula masyarakat
- B menolong kaum Melayu yang ketinggalan dalam sektor ekonomi dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi
- C membasi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi
- D membasi kemiskinan yang melanda kaum Melayu dan menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi

S84 Pilih pernyataan yang **benar** tentang Dasar Pembangunan Nasional.

- I Dasar Pembangunan Nasional meneruskan dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru
 - II Matlamat terakhir Dasar Pembangunan Nasional adalah mencapai perpaduan negara
 - III Dasar Pembangunan Nasional menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penyusunan semula masyarakat
 - IV Dasar Pembangunan Nasional menekankan perkembangan sektor pertanian berbanding dengan sektor perindustrian
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S85 Pilih padanan yang **tepat** mengenai dasar dan pelaksanaan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Dasar		Pelaksanaan	
I	Dasar Perindustrian Negara	X	Menyemak dan mengubahsuai dasar perusahaan negara yang sedia ada
II	Dasar Perindustrian Berat	Y	Menyusun semula sistem galakan perindustrian yang sedia ada
III	Pelan Induk Perindustrian	Z	Mengimport teknologi dan meminjam kemahiran tenaga pakar dari luar

- A I:X, II:Y, III:Z
- B I:Y, II:X, III:Z
- C I:Y, II:Z, III:X
- D I:X, II:Z, III:Y

Soalan 86 berdasarkan Pernyataan 13 di bawah

- Membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berasaskan pengetahuan.
 - Menjana pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh sumber dan kekuatan tempatan.
 - Mencapai penyertaan bumiputera yang berkesan dan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010.

Pernyataan 13

S86 Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A Dasar Penswastaan
- B Dasar Ekonomi Baru
- C Dasar Wawasan Negara
- D Dasar Pembangunan Nasional

S87 Manakah cabaran berikut paling rumit dicapai dalam Wawasan 2020?

- A Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi yang boleh bersaing, dinamik, teguh dan berdaya tahan
- B Mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu dan satu bangsa Malaysia yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama
- C Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika, kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh pegangan etika yang tinggi
- D Mewujudkan sebuah masyarakat yang saintifik dan progresif yang mempunyai daya perubahan yang tinggi sebagai pengguna dan penyumbang sains dan teknologi

S88 Dasar Kebudayaan Kebangsaan diwujudkan berteraskan tiga prinsip utama, iaitu

- I Islam sebagai unsur paling penting
 - II kebudayaan antarabangsa yang logik
 - III kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
 - IV kebudayaan lain yang wajar dan sesuai diterima
- A I, II dan IV
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

Soalan 89 berdasarkan Pernyataan 14 di bawah

Persekolahan rendah ialah alat dan tenaga besar bagi perpaduan dan penyatuan masyarakat, dan dengan itu memang wajarlah dengan secara sedar dan bersungguh-sungguh dijadikan agen pembina bangsa Malaya yang tunggal.

Pernyataan 14

S89 Pernyataan di atas dipetik daripada

- A Penyata Razak
- B Penyata Barnes
- C Penyata Fenn-Wu
- D Penyata Woodhead

Soalan 90 berdasarkan Pernyataan 15 di bawah

- Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.
- Kedah Cement Sdn. Bhd.
- Modenas Sdn. Bhd.

Pernyataan 15

S90 Projek-projek di atas dilaksanakan melalui

- A Dasar Sogoshosha
- B Dasar Perindustrian Berat
- C Pelan Induk Perindustrian
- D Dasar Perindustrian Negara

S91 Berikut ialah prinsip utama Islam Hadhari **kecuali**

- A kehidupan berkualiti
- B penguasaan ilmu pengetahuan
- C pembelaan hak kumpulan majoriti dan wanita
- D pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif

S92 Antara berikut yang manakah rancangan kerjasama ekonomi ASEAN?

- I Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)
- II Peraturan Perdagangan Istimewa (PTA)
- III Skim Tarif Keistimewaan Sama Rata (CEPT)
- IV Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

S93 Apakah maksud pembangunan modal insan?

- A Mempelbagaikan kebolehan manusia
- B Memperkembangkan tahap kompetensi insan
- C Menyediakan segala kemudahan untuk manusia
- D Memperkasakan insan sebagai individu dan juga anggota masyarakat

S94 Apakah peranan anda sebagai mahasiswa UTHM dalam menjayakan konsep gagasan 1 Malaysia?

- I Mengamalkan integriti dan nilai murni di dalam kehidupan sehari-hari
 - II Bekerjasama dan berbaik sangka dengan semua rakan-rakan walaupun berlainan etnik
 - III Menutup minda pada maklumat yang difikirkan boleh merosakkan keamanan dan keharmonian negara
 - IV Membantu pihak-pihak tertentu meluaskan anasir-anasir negatif yang bertujuan untuk merosakkan hubungan kaum di Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV

S95 Peranan **utama** seorang warganegara ialah

- A mengenali diri serta mencintai warisan bangsa dan negara
- B mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya kompetensi
- C bersemangat kekitaan, berdisiplin dan hidup bermasyarakat secara harmoni
- D memahami dan menghargai usaha-usaha negara dalam kemajuan dan pembangunan

S96 Berikut ialah perkara-perkara yang boleh menyebabkan kewarganegaraan seseorang warganegara Malaysia boleh dilucutkan **kecuali**

- A tidak setia kepada raja dan negara
- B menolak kewarganegaraan secara sukarela
- C permohonan kewarganegaraan dibuat dengan maklumat palsu
- D ibu bapa individu tersebut telah dilucutkan kewarganegaraan mereka

S97 Mengapakah tahap perpaduan yang tinggi diperlukan dalam proses kelangsungan pembangunan negara?

- A Mewujudkan kestabilan politik negara
- B Membina masyarakat Malaysia yang berjiwa bebas dan tenteram
- C Menjadikan Malaysia benar-benar maju dalam sains dan teknologi
- D Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersifat liberal dan bertoleransi

S98 Susun prinsip-prinsip Rukun Negara di bawah mengikut susunan yang **betul**

- I Keluhuran Perlembagaan
 - II Kesopanan dan Kesusilaan
 - III Kepercayaan Kepada Tuhan
 - IV Kedaulatan Undang-undang
 - V Kesetiaan kepada Raja dan Negara
-
- A I, V, IV, II, III
 - B II, I, III, IV, V
 - C III, V, I, IV, II
 - D III, V, IV, I, II

S99 Tema-tema berikut pernah digunakan semasa menyambut hari kemerdekaan negara **kecuali**

- A Keranamu Malaysia
- B Malaysiaku Gemilang
- C Malaysia Tanahair Tercinta
- D Negara Kita Tanggungjawab Kita

S100 Isu pembakaran Jalur Gemilang dan penghinaan lagu Negaraku adalah beberapa contoh peristiwa yang menunjukkan Malaysia mempunyai _____ daripada dalam negara sendiri

- A ancaman
- B kejayaan
- C perpaduan
- D kelemahan

-SOALAN TAMAT-